

10 MAY 1996
Mahathir-Komputer
RAKYAT PERLU MAHIR GUNA KOMPUTER, KATA MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 10 Mei (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata rakyat negara ini perlu mahir menggunakan komputer dan maklumat yang boleh diperolehi daripadanya yang akan menjadi keperluan utama masa akan datang.

Perdana Menteri berkata semua lapisan masyarakat perlu membiasakan diri dengan komputer terutamanya di peringkat usia muda agar mereka tidak "takut" dengan teknologi itu.

"Saya yakin semua orang boleh menggunakan komputer, Internet dan sebagainya kalau mereka melapangkan masa antara 15 dan 20 minit menggunakan komputer setiap hari," katanya ketika melancarkan Yayasan WangsaMaju (YWM) di sini.

Dr Mahathir berkata ini selaras dengan hasrat kerajaan untuk menjadikan Malaysia antara negara yang berada di barisan hadapan untuk memanfaatkan penggunaan komputer dan teknologi maklumat.

Beliau juga memuji langkah YWM membekalkan komputer kepada sekolah-sekolah di sekitar kawasan itu untuk mendedahkan pelajar kepada penggunaan komputer Multimedia dan Internet.

Projek pertama YWM ialah projek rangkaian komputer sekolah-sekolah Wangsa Maju (Wangsanet) yang melibatkan pemberian 70 buah komputer Multimedia kepada sekolah-sekolah menengah dan rendah, sekolah swasta dan sekolah untuk orang cacat penglihatan di kawasan itu.

Ia sekali gus memulakan projek perpustakaan Multimedia bergerak yang melibatkan tujuh buah komputer dan sebuah Internet Server untuk memberi perkhidmatan di kawasan-kawasan rumah pangsa dan kawasan setinggan.

Perdana Menteri berkata peranan sektor swasta penting bagi membolehkan lebih banyak komputer dibekalkan bagi membantu kerajaan dalam pendidikan komputer.

Pada majlis itu juga, Dr Mahathir menerima bagi pihak yayasan itu sumbangan berjumlah RM3 juta untuk memulakan tabung yayasan itu.

Beliau dan Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali meluangkan masa lebih sejam melawat pameran komputer dan Internet sekolah-sekolah Wangsa Maju.

Dr Mahathir mengakhiri lawatan kerja setengah hari ke Wilayah Persekutuan itu dengan menunaikan sembahyang Jumaat di Masjid Sri Rampai. Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Dr Abdul Hamid Othman telah menyampaikan khutbah Jumaat di masjid itu.

Yayasan itu dipengerusikan Datuk Dr Kamal Salih yang juga anggota Parlimen Wangsa Maju dan Ketua Umno bahagian itu. -- BERNAMA

MAM AFY NMO